

# Pemilihan tak secara automatik — Rafidah

Oleh NAZRI ABDULLAH

KUALA LUMPUR, Jumaat — Rancangan kerajaan untuk memberi permit kepada teksi-teksi sapu di seluruh negara akan tetap dilaksanakan.

Bagaimanapun, permit-permit tersebut tidaklah diberi secara automatik, demikian jelas Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz ketika dihubungi hari ini.

Katanya, tidak semua pemandu teksi sapu akan diberikan permit, tetapi hanya mereka yang betul-betul layak, memenuhi beberapa syarat yang ditentukan sahaja akan diberi permit tersebut.

"Walaupun terdapat beribu-ribu teksi sapu di seluruh negara, tidak bermakna secara automatik akan diberi permit, sebaliknya mereka terpaksa membuat permohonan untuk dipertimbangkan."

"Terdapat pemandu teksi sapu yang tidak memenuhi syarat telah ditolak permohonannya," jelasnya.

Kerajaan baru-baru ini mengumumkan untuk memberi permit kepada teksi-teksi sapu bagi memudahkan mereka menjalankan perkhidmatan pengangkutan kepada orang awam.

Bagaimanapun, menurut Menteri Perusahaan Awam, pemandu-pemandu teksi sapu ini mestilah mempunyai kelayakan yang ditetapkan, antaranya mereka mestilah memiliki dan pemandu teksi itu sendiri.

Lain-lain syarat, mereka mestilah telah lama membawa teksi tersebut atau sekurang-kurangnya lebih dari lima tahun. Mereka juga mestilah mempunyai lesen perkhidmatan kenderaan awam (PSV) sekurang-kurangnya lebih lima tahun.

"Sekiranya mereka mempunyai syarat-syarat tersebut mereka layak dipertimbangkan. Mereka mestilah mengemukakan permohonan seperti permohonan permit teksi yang lain," ujarnya.

Menyentuh aduan orang ramai, terdapat teksi-teksi yang tidak tetap di pangkalan yang ditetapkan, Datin Paduka Rafidah menasihatkan orang ramai membuat aduan lengkap dengan mencatatkan nombor teksi berkenaan.

Dengan adanya dauan ini, siasatan boleh dibuat dan sekiranya didapati benar tindakan boleh diambil," tambahnya.

Rafidah Aziz menerangkan, Kementeriaannya hanya boleh bertindak kepada mereka yang bersalah setelah terdapat pengesahan dari Jabatan Pengangkutan Jalan.

## Tindakan

"Segala aduan berhubung dengan penguatkuasa pengangkutan jalan mestilah diadukan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan untuk siasatan dan sekiranya aduan itu benar Kementerian Perusahaan Awam boleh mengambil tindakan seperti menarik balik permit," ujarnya.

Beliau berkata demikian berhubung dengan sungutan pengusaha-pengusaha bas ekspres yang sekarang ini diancam oleh bas-bas pelancongan.

Bas pelancongan sebenarnya tidak boleh mengendalikannya perkhidmatan ekspres tetapi ramai dari mereka telah menyalahgunakan permit yang diberi.



## Rombongan RI di Angkasapuri

Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat mempersilakan duduk Encek Djamal Ali SH (berecermin mata), ketua rombongan sembilan orang Ahli Parlimen Indonesia yang mengunjungi beliau di pejabatnya di Angkasapuri, Kuala Lumpur, semalam.

Dalam pertemuan tersebut, rombongan itu mengadakan perbincangan mengenai hal-hal pendidikan dan cara-cara merapatkan kerjasama di bidang pelajaran antara kedua nega-

ra. Datuk Mohamad ialah Pengerusi Persatuan Alumni Perguruan Tinggi Indonesia (Paperti).

Rombongan itu berada di sini tiga hari, dalam rangka lawatan ke negara-negara rantau ini, untuk mendapatkan pengetahuan mengenai sistem pelajaran, bagi dibentangkan ke Parlimen Indonesia, untuk menggubal dasar pembangunan lima tahunnya mulai 1983. — Gambar Berita Harian